



Komuniti Iban di Rumah Panjang Pakut Sibuti: Analisis Geolinguistik

Iban Community of Pakut Sibuti Long House: Geolinguistic Analysis

Adriana Santa Anak Tinggom*

Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia, 84600 Pagoh, Muar, Johor, Malaysia.

*Corresponding author: adrianasantatinggom@iium.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.22.2025>

Abstract

This study aims to examine the language, culture, and customs of the Iban community in the longhouse of Lingu Pakut Sibuti from a geolinguistic perspective. This study is field-based and descriptive in nature. This study is field-based and descriptive in nature. Data were collected using questionnaires and interviews with respondents. A total of 30 respondents were involved in this study. The results of the study indicate that the geographical features of the area surrounding the longhouse have played a role in shaping the Iban language among the Iban community in this longhouse. In addition to linguistic factors, factors such as customs and culture also influence the existence of the Iban community in this longhouse. This study demonstrates how geographical factors such as the landscape shape, coupled with traditional customs and cultural practices, contribute to the preservation of the Iban community in the Lingu Pakut Sibuti longhouse. This study demonstrates how geographical factors such as the landscape shape, coupled with traditional customs and cultural practices, contribute to the preservation of the Iban community in the Lingu Pakut Sibuti longhouse. Although the Iban community in the Lingu longhouse still resides in longhouses, the customs, language, and culture of the Iban community in this place are still preserved to this day. The language, culture, and customs of the Iban community must be preserved to prevent them from being lost to time.

Keywords: culture, customs and beliefs, Iban language, geographical features, social-economy

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat bahasa, budaya dan adat komuniti Iban di rumah panjang Lingu Pakut Sibuti dari aspek geolinguistik. Kajian ini merupakan kajian lapangan dan bersifat deskriptif. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik dan juga temu bual dengan responden. Sebanyak 30 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan faktor bentuk muka bumi di kawasan rumah panjang telah memainkan peranan dalam pembentukan bahasa Iban dalam kalangan komuniti Iban di rumah panjang ini. Selain daripada faktor linguistik, faktor seperti adat dan budaya juga turut mempengaruhi kewujudan komuniti Iban di rumah panjang ini. Kajian ini dapat memperlihatkan faktor geografi seperti bentuk muka bumi digembleng dengan faktor amalan adat tradisi serta budaya mampu mengekalkan komuniti Iban di rumah panjang Lingu Pakut Sibuti. Meskipun komuniti Iban di rumah Lingu masih tinggal di rumah panjang, adat, bahasa dan budaya komuniti Iban di tempat ini masih dikekalkan sehingga pada hari ini. Bahasa, budaya dan adat Masyarakat Iban haruslah dipelihara agar tidak pupus ditelan zaman.

Kata Kunci: adat dan kepercayaan, Bahasa Iban, bentuk muka bumi, budaya, sosioekonomi

Pengenalan

Sarawak atau juga dikenali sebagai Bumi Kenyalang merupakan sebuah negeri yang mempunyai 27 etnik bumiputera serta memiliki budaya, adat resam, tradisi dan adat yang tersendiri. Menurut Jabatan



Perangkaan Malaysia dalam Kongres Ekonomi Bumiputera (2024), masyarakat Iban merupakan salah satu suku etnik yang terbesar di negeri Sarawak iaitu sebanyak 28.6% dan diikuti dengan suku Melayu 23.5%, suku Bidayuh 8.2%, suku Melanau 5.1% serta diikuti oleh suku etnik yang lain iaitu sebanyak 9%. Masyarakat Iban atau suku Iban Dayak juga dulunya turut dikenali sebagai Dayak Laut. Tidak dinafikan bahawa kajian mengenai bahasa Iban telah diteliti dalam pelbagai aspek. Antara yang disentuh adalah seperti kajian Bahasa Iban dari aspek tata bahasa iaitu sistem fonetik dan fonologi, morfologi, sintaksis, pragmatik, sosiolinguistik dan semantik secara umum. (Claudia & Norazuna, 2023; Remmy, 2018; Chong Sin, 2021; Mangie & Kartini, 2021). Bagi kajian geolinguistik pula, kajian ini banyak dilakukan di Semenanjung Malaysia. (Adriana, Nor Hashimah & Junaini, 2021; Muhamaad & Noraini, 2023; Fazal & Anas, 2023). Dalam kajian ini, pengkaji memfokus kepada masyarakat Iban di rumah panjang Lingu Pakut Sibuti. Objektif kajian ini adalah pertama, bagi memperlihatkan faktor geografi seperti bentuk muka bumi mempengaruhi pembentukan bahasa Iban dalam kalangan komuniti Iban di rumah panjang ini. Selain itu, kajian ini juga meneliti faktor bukan linguistik seperti faktor adat dan kepercayaan serta sosioekonomi yang menjadi faktor pengekalkan masyarakat Iban berada di kawasan tersebut.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian lapangan dan bersifat deskriptif. Kajian ini dilakukan di rumah panjang Lingu Pakut Sibuti, Miri. Rumah panjang Lingu Pakut sibuti ini dipilih kerana komuniti Iban di rumah panjang ini masih lagi mengamalkan upacara dan adat resam masyarakat Iban sejak dahulu sehingga kini. Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada tiga peringkat umur iaitu golongan kanak-kanak remaja, golongan dewasa dan juga golongan warga tua telah dipilih untuk kajian ini. Selain itu, pengumpulan data seperti rakaman video upacara tertentu dan perbualan turut dilakukan.

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan geolinguistik. Geolinguistik merupakan satu ilmu yang mengkaji penyebaran bahasa di kawasan-kawasan tertentu di atas muka bumi ini. Menurut Asmah (2019), tumpuan ilmu geolinguistik ini ialah kawasan yang menjadi penyebarannya, faktor-faktor yang menjadi sumber penyebarannya, pembentukan kawasan baharu oleh yang berpindah serta sikap ahli-ahli komuniti terhadap bahasa yang dibawa bersama dalam penghijrahan mereka. Menurut beliau juga, geolinguistik tidak hanya merujuk peta dimana letaknya kawasan penyebaran sesuatu bahasa tetapi juga mengambil kira faktor-faktor sosial dan kemanusiaan yang menyebabkan penghijrahan berlaku. Selain Asmah, pengkaji seperti Nor Hashimah, Siti Noraini dan Harishon Radzi (2020) juga turut menyatakan bahawa bidang kajian geolinguistik menekankan faktor demografi dan geografi dalam membincangkan perihal bahasa dan linguistik. Nor Hashimah juga turut menekankan bahawa bidang geolinguistik merupakan bidang multidisiplin yang menggabungkan ilmu bahasa dan juga geografi.

Dapatan

Bentuk Muka Bumi

Masyarakat Iban di rumah panjang Lingu Pakut Sibuti. Pada suatu ketika dahulu, aktiviti penanaman padi merupakan aktiviti yang utama dilakukan oleh masyarakat ini. Oleh itu, tidak hairan jika wujudnya leksikal yang menggambarkan aktiviti penanaman padi dalam bahasa Iban. Antara leksikal atau perkataan dalam bahasa Iban yang merujuk kepada aktiviti penanaman padi adalah seperti *bumai* (proses penanaman padi), *nyemei* (menanam benih padi), *mantun* (mencabut), *manchit* (proses membuang batang padi), *betamba* (membajak), *ngesum* (membaja), *ngetau* (menuai padi), *nungku* (memisahkan padi dari tangkal), *nyembi padi* (proses menjemur padi), *berayar* (proses memisahkan



benih yang berisi dan hampa padi), *muput* (proses menampi menggunakan nyiru). Selain bentuk muka bumi seperti hutan dan bukit, sungai juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Kebanyakan rumah panjang masyarakat Iban dibina di tebingan sungai. Sungai merupakan alat perhubungan di antara satu rumah panjang ke satu rumah panjang. Oleh itu, kebanyakan rumah panjang masyarakat ditandai dengan nama sungai seperti rumah panjang Sungai Igan, rumah panjang Sungai Saribas, rumah panjang Sungai Nyelong dan banyak lagi.

Sosioekonomi

Dari aspek sosioekonomi, komuniti rumah panjang Lingu pada awalnya bergantung kepada aktiviti penanaman padi. Seiring dengan pembangunan sosioekonomi negeri Sarawak, maka taraf kehidupan masyarakat rumah panjang ini turut mengalami perubahan yang mana kegiatan ekonomi mula tertumpu kepada kegiatan penanaman koko dan penanaman kelapa sawit. Menurut Emyzul Ismai & Arba'iyah Mohd (2019), keluasan dan khazanah bumi Sarawak yang begitu kaya telah mendorong kerajaan negeri Sarawak dan persekutuan untuk merancang penubuhan agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak atau juga boleh dikenali sebagai Sarawak Land Development Board (SLDB) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) bagi memastikan pengurusan sektor pertanian yang terurus dan cekap. Pada pertengahan tahun 1970an, SLDB dan *Commonwealth Development Corporation* telah membuka tanah secara besar-besaran di sepanjang Jalan Bintulu-Miri untuk pembukaan ladang kelapa sawit lebih 20,000 hektar dan ladang koko seluas 1,000 hektar. Penubuhan SLDB pada era Abdul Rahman Ya'kub menjadi faktor penting kepada perkembangan aktiviti pertanian di Sarawak di samping bagi menambahkan sistem pengurusan pertanian yang kurang cekap sebelum ini. Perkembangan industri pertanian ini juga telah memberi ruang kepada komuniti Iban di Rumah Panjang Lingu. Masyarakat Iban di rumah panjang ini mula membuka tanah mereka untuk penanaman kelapa sawit dan juga tanaman koko. Sehingga kini, aktiviti penanaman kelapa sawit dan koko menjadi pendapatan sampingan kepada penduduk di rumah panjang ini.

Selain itu, taraf pendidikan bagi masyarakat Iban di rumah panjang ini juga turut berubah seiring dengan perkembangan sosioekonomi negeri Sarawak. Sebanyak 80 orang graduan telah dihasilkan daripada komuniti Iban rumah panjang Lingu yang mempunyai 32 orang keluarga. Kejayaan ini telah sedikit sebanyak telah mengubah taraf kehidupan dan taraf pendidikan penduduk di sini. Ramai anak muda telah mendapat tawaran belajar ke menara gading dan ada juga yang sudah bekerja dalam sektor swasta mahupun sektor awam. Perubahan dalam taraf pendidikan dan kehidupan ini telah membawa kemasukan bahasa lain ke dalam komuniti ini. Misalnya dalam pertuturan harian penduduk di sini, mereka mula memilih variasi leksikal dari bahasa Melayu Standard mahupun bahasa Inggeris dalam pertuturan harian mereka. Berikut merupakan data leksikal 'sayang' yang merujuk kepada panggilan suami isteri atau pasangan yang belum berkahwin.

Jadual 1 Data Leksikal 'sayang'

Varian Leksikal / Golongan responden	sulu	sayau	ambai	kaling	wai	sayang	indai tuai	apai tuai	pangan	bakih
Golongan Remaja	/			/		/				/
Golongan Dewasa	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Golongan Tua	/	/	/	/	/		/	/	/	/



Jadual 1 menunjukkan pemilihan variasi data leksikal bagi 'sayang' yang merujuk kepada panggilan suami isteri mahupun pasangan yang belum berkahwin yang dituturkan oleh komuniti Iban Rumah Lingu Pakut Sibuti. Data menunjukkan bahawa golongan remaja hanya memilih tiga leksikal iaitu 'sulu', 'kaling' dan 'sayang' untuk merujuk kepada maksud sayang. Bagi golongan dewasa pula, kesemua leksikal iaitu 'sulu', 'sayau', 'ambai', 'kaling', 'wai', 'indai tuai', 'apai tuai', 'pangan', 'bakih' dan 'sayang' telah dipilih untuk digunakan dalam panggilan sayang. Bagi golongan warga tua pula, golongan ini telah memilih leksikal 'sulu', 'sayau', 'ambai', 'kaling', 'wai', 'indai tuai', 'apai tuai', 'pangan' dan 'bakih'. Leksikal 'sulu', 'sayau', 'ambai', 'kaling', 'wai', 'apai tuai', 'indai tuai', 'pangan' dan 'bakih' merupakan kata panggilan dalam bahasa Iban standard yang masih dipakai hingga ke hari ini. Namun demikian, menerusi data yang diperolehi, golongan remaja hanya memilih leksikal bahasa Iban standard iaitu 'sulu', 'bakih' dan 'kaling' sahaja dalam pertuturan mereka manakala variasi leksikal yang lain seperti 'sayang' juga dipilih dalam pertuturan golongan remaja ini. Golongan tua pula masih lagi menggunakan bahasa Iban dalam panggilan mereka kepada suami atau isteri.

Adat dan Kepercayaan

Dalam masyarakat Iban, kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* boleh menjelma dalam kehidupan manusia, sama ada menerusi mimpi manusia atau menerusi petanda-petanda yang disampaikan melalui benda hidup, seperti haiwan, burung dan serangga atau melalui fenomena alam yang tertentu. Bagi masyarakat Iban, segala jenis bentuk kuasa ghaib yang boleh memberikan pertolongan dan kebaikan kepada manusia adalah disebut *petara*. Menurut Noria Tugang et. al (2022) kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara* dalam masyarakat Iban dianggap sesuatu yang kudus, suci, amat sempurna sifatnya, dan sentiasa sayang kepada manusia. Maka, *petara-petara* ini perlu dipuja dan 'diberi makan' dengan piring (persembahan jamuan) semasa ritual miring dan gawai sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih manusia kepada mereka. Bagi komuniti Iban di rumah panjang Lingu, salah satu ritual miring yang masih dilakukan sehingga kini ialah ritual miring '*pengawa ngintu Tajau lama*'. *Tajau* bermaksud tempayan-tempayan seramik yang dimiliki oleh orang Iban sebagai harta pusaka. Dahulunya, sewaktu mata wang atau duit tunai susah diperolehi, segala hukuman ke atas pelanggaran adat boleh dibayar dengan tempayan. Amalan ini dipanggil *adat mata tajau*. *Tajau* juga digunakan semasa upacara suci dan perayaan gawai kepercayaan asal. Kadang-kala sesetengah *tajau* dianggap mempunyai kuasa ghaib. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan adat asal, mereka akan meletakkan 'tangkal' atau dikenali sebagai azimat kerana mereka percaya tempayan-tempayan warisan nenek moyang atau harta pusaka dahulu kala ini mempunyai kuasa yang luar biasa. Dalam kajian ini, salah seorang informan yang dikenali sebagai Encik Renang, mempunyai *tajau* hasil harta pusaka oleh nenek moyang dahulu kala. Menurut beliau, *tajau* ini harus disediakan ritual miring agar boleh memberkati dan mengabulkan segala hasrat dan permintaan, perlindungan serta mengelakkan diri daripada mendapat ancaman atau malapetaka.

Pada masa kini, pelaksanaan ritual miring tidak dilakukan pada setiap musim sepanjang tahun. Begitu juga pelaksanaan Gawai yang hanya dilaksanakan di sesetengah tempat kerana kebanyakan masyarakat Iban telah menganut agama Kristian. Namun demikian, komuniti rumah panjang Lingu masih lagi melaksanakan ritual miring semasa sambutan Gawai Dayak atau majlis keramaian. Bahkan juga, sebahagian daripada mereka masih lagi melaksanakan ritual miring selain daripada perayaan hari Gawai. Dalam aspek pemilihan leksikal bahasa Iban yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan, didapati golongan remaja dan golongan dewasa kurang memahami perkataan atau istilah dalam adat dan kepercayaan masyarakat Iban. Jadual 2 merupakan pemilihan leksikal yang dituturkan dan difahami oleh setiap golongan.



Jadual 2 *Leksikal bahasa Iban yang berkaitan dengan adat dan kepercayaan masyarakat Iban*

Leksikal / Golongan responden	petara	miring	ngayau	tajau	piring	lemambang	nguai
Golongan Remaja	/						
Golongan Dewasa	/	/	/	/	/	/	/
Golongan Tua	/	/	/	/	/	/	/

Menerusi jadual 2 dapat diperhatikan bahawa golongan remaja hanya dapat memahami istilah atau leksikal 'petara' yang bermaksud 'Tuhan'. Salah seorang responden remaja mengatakan bahawa penggunaan istilah 'miring' (upacara ritual yang diamalkan oleh masyarakat Iban kepada kuasa-kuasa luar biasa), 'ngayau' (aktiviti penggal kepala), 'tajau' (tempayan), 'piring' (makanan yang dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa), 'lemambang' (bomoh), dan 'nguai' (salah satu adat perkahwinan) jarang digunakan dalam pertuturan harian mereka. Selain itu, apabila ditanya berkaitan dengan adat dan kepercayaan orang Iban, kebanyakan golongan remaja kurang memahami. Salah satu sebab kerana golongan remaja tidak terlibat dalam adat dan kepercayaan seperti ritual miring umpamanya. Berbeza dengan golongan dewasa, golongan ini masih dapat memahami dengan jelas istilah-istilah yang digunakan dalam adat dan kepercayaan orang Iban. Walaupun sebahagian mereka sudah menganut agama Kristian, mereka masih boleh memahami istilah-istilah tersebut.

Perbincangan dan Kesimpulan

Kajian mengenai komuniti Iban di rumah panjang Lingu Pakut Sibuti ini telah memberikan gambaran mengenai bahasa, budaya dan adat serta kepercayaan masyarakat Iban ketika ini. Meskipun zaman telah berubah, namun komuniti Iban di tempat ini masih lagi mengamalkan adat dan kepercayaan orang Iban suatu ketika dahulu. Hasil daripada penyelidikan dan pemerhatian, penggunaan bahasa Iban masih lagi digunakan dalam kehidupan seharian. Pembentukan bahasa Iban yang dipengaruhi oleh bentuk muka bumi juga dapat dilihat apabila terdapat varian leksikal yang terbentuk berdasarkan aktiviti penanaman padi bukit. Selari dengan pembangunan sosioekonomi dan pengaruh agama luar, penggunaan atau pemilihan leksikal bahasa Iban menjadi kurang mendapat tempat bagi penutur remaja khususnya. Hal ini kerana komuniti Iban telah mengalami perubahan dalam sosioekonomi dan pendidikan. Anak-anak telah mendapat pendidikan sehingga ke menara gading dan golongan dewasa muda pula mendapat pekerjaan yang baik.

Penyataan Etika

Makalah ini telah melibatkan subjek manusia sebagai responden kajian dan telah mendapat persetujuan daripada subjek kajian.

Penyataan Kredit Penulis

Adriana Santa Anak Tinggom: Penulis dan Pengkaji.



Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Adriana Santa Anak Tinggom, N. H. (2021). Penyebaran Variasi Leksikal 'Kapal' dalam Dialek Melayu Siam di Satun, Thailand. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 47-57.
- Asmah Haji Omar, B. S. (2012). *Fonologi Bahasa Iban/Fonologi Jaku Iban*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Claudia Vica Bandan, N. N. (2023). Kajian Awal Kekerabatan Bahasa Remun dan Iban Undop. *Journal of Boreo-Kalimantan*, 13-25.
- Emyzul Ismail, A. m. (2019). Perkembangan Industri Pertanian di Sarawak, 1970-1981. *Sejarah: Journal of History Department*, 120-139.
- Gedat, R. (2018). *Variasi Iban dalam Berkomunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghani, H. M. (2024, mac 1). *Kementerian Ekonomi*. Retrieved from Kongres Ekonomi Bumiputera: <https://keb.ekonomi.gov.my/>
- Ismail, F. M. (2023). Variasi Dialek Pulau Pinang: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 341-360.
- Mangie Anak Liddy, K. A. (2021). Tabu Bahasa dalam Aktiviti Masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak. *Geografia. Malaysian Journal of Society and Space*, 375-388.
- Muhamad Khairuddin Hanizat, S. N. (2023). Pengekalan dan Peralihan Bahasa di Kuala Selangor: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1-29.
- Nor Hashimah Jalaluddin, S. N. (2020). *Dialektologi dan GIS*. Bangi: Penerbit UKM.
- Norai Tugang, B. M. (2022). *Warisan Budaya Miring dalam masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Samarahan: UNIMAS Publisher.
- Omar, A. H. (2019). *Bahasa Melayu di Daratan Asia Tenggara: Pendekatan Sejarah dan Geolinguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sin, C. (2019). *Bahasa Ibanik di Borneo Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.